



Cerita hantu 'meletup' dalam talian
- Muka 16

Dana awam diguna dengan betul, tetapi ada kelemahan
- Muka 2



Pempengaruh mampu raih ribuan \$
- Muka 5

Pameran, persidangan dihadiri hingga 250 orang akan diizin

PAMERAN dan persidangan yang lebih besar dan boleh dihadiri hingga 250 peserta boleh diadakan semula di Singapura tidak lama lagi.

Penganjur boleh memohon keizinan mengadakan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (Mice) bermula 1 Oktober ini.

Demikian diumumkan Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Chan Chun Sing, dalam satu persidangan media dalam talian semalam.

Mengulas mengenai langkah percubaan untuk mengadakan Mice bagi 250 peserta

itu, Encik Chan berkata ia bertujuan membuka pintu bagi mengadakan acara berskala lebih besar lagi.

"Kami sedang bekerjasama dengan rakan luar negara, termasuk penganjur acara di luar negara... supaya kami dapat belajar daripada pengalaman negara lain yang telah meningkatkan bilangan hadirin mereka daripada ratusan hingga ribuan melalui cara yang selamat," katanya.

Usul bagi mengadakan acara melibatkan lebih ramai peserta itu akan disemak oleh Lembaga Pelancongan Singapura (STB) dan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan

(MTI). Penganjur hanya dibenarkan mengadakan acara setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa.

Antara lain, penganjur perlu menunjukkan keupayaan mereka melaksanakan langkah pengurusan selamat, termasuk menghadkan bilangan keseluruhan peserta dan mengadakan langkah cegah jangkitan sebelum dan sesudah acara mereka.

Satu acara rintis yang bakal diadakan mengikut aturan itu adalah Sidang Minggu Tenaga Antarabangsa Singapura, yang dijadual dilaksanakan dalam format hibrid - fizikal dan secara maya - di Marina Bay

Sands dari 26 hingga 30 Oktober. Buat masa ini, sehingga 50 peserta dibenarkan menyertai acara sedemikian di Singapura.

Menurut STB, satu acara melibatkan 50 peserta yang diadakan dengan berjaya bulan lalu telah membuka laluan bagi perkembangan ini.

Ia juga sebahagian daripada usaha negara untuk membentuk semula dan membina keupayaan baru dalam sektor ini, kata Encik Chan.

Industri Mice, yang menyokong lebih 34,000 pekerjaan di sini dan menyumbang \$3.8 bilion kepada ekonomi, atau hampir 1 peratus Hasil Dalam Negeri Kasar (GDP),

merupakan antara sektor paling teruk terjejas akibat pandemik Covid-19.

Peserta Mice yang datang ke Singapura bagi urusan perniagaan didapati berbelanja hampir seganda lebih tinggi berbanding pelancong lain.

"Penyambungan semula acara perniagaan secara bertahap akan membantu mengekalkan kedudukan Singapura sebagai hab industri Mice.

"Ia juga akan mengekalkan keupayaan genting, sambil melindungi pekerjaan dan kehidupan (pekerja) yang berkecimpung dalam industri ini termasuk mereka daripada sektor berkaitan," kata STB.

MOM: Masih ada kerja kosong bagi mereka yang diberhentikan

39 peratus penduduk S'pura yang diberhenti pada suku pertama tahun ini dapat kerja baru jelang Jun lalu

NORHAIZA HASHIM
norhaiza@sph.com.sg

SEBANYAK 39 peratus penduduk Singapura yang diberhentikan pada suku pertama tahun ini berupaya mendapat pekerjaan baru menjelang Jun lalu, menurut Kementerian Tenaga Manusia (MOM).

Meskipun rentak pengambilan pekerjaan semakin perlahan pada suku kedua tahun ini, MOM mendapati bahawa pengambilan pekerjaan tidak berhenti sama sekali dan sebilangan mereka yang diberhentikan berupaya mendapat pekerjaan baru.

MOM meninjau 2,160 penduduk yang diberhentikan dari Januari hingga Mac tahun ini. Perangkaan awal MOM dikeluarkan Julai lalu menunjukkan hampir 10,000 pekerja diberhentikan pada dua suku pertama tahun ini.

Dalam kalangan pekerja yang diberhentikan yang mendapat pekerjaan baru, sekitar 70 peratus dapat pekerjaan baru dalam tempoh sebulan.

MOM mengeluarkan laporan

keadaan pekerjaan itu bagi memberikan orang awam maklumat terkini berkenaan pasaran buruh secara tetap sedang negara ini mengharungi pandemik Covid-19.

Ia berlaku di tengah-tengah kemeltesan ekonomi yang dihadapi negara ini.

Semalam, Penguasa Kewangan Singapura (MAS) juga mengumumkan ramalan ekonomi dijangkakan pakar ekonomi swasta tahun ini.

Tinjauan dijalankan MAS itu menunjukkan ekonomi Singapura boleh mengucup 6 peratus tahun ini, lebih buruk daripada kemerosotan 5.8 peratus yang diramalkan dalam tinjauan Jun lalu.

Dalam tinjauan MOM, ia mendapati golongan karyawan, pengurus, eksekutif dan teknisyen (PMET) serta pekerja pertengahan tahun berusia 30-an dan 40-an mempunyai prospek lebih tinggi mendapat pekerjaan.

Sebanyak 53 peratus atau lebih separuh golongan itu yang diberhentikan dan mendapat pekerjaan baru memiliki kemahiran yang boleh di-

alihkan, yang membolehkan mereka berpindah ke industri baru.

Malah, 60 peratus daripada mereka yang mendapat pekerjaan baru tidak menghadapi potongan gaji yang besar.

"Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan bahawa pengambilan pekerjaan bertambah perlahan pada suku kedua tahun ini tetapi ia tidak terhenti.

"Di sebalik kelembapan dalam pasaran buruh, majoriti mendapat pekerjaan dengan pantas secara relatif dengan kesan gaji yang sederhana," ujar MOM dalam kenyataannya.

Mengulas perangkaan itu, Menteri Tenaga Manusia Cik Josephine Teo berkata:

"Prospek pekerjaan bagi pekerja yang diberhentikan dapat bertahan di sebalik pencarian pekerjaan berlaku dalam keadaan pasaran buruh yang lemah dan semasa tempoh pemutus rantaian jangkitan apabila banyak kegiatan terganggu. Kami akan terus memantau hasil pengambilan pekerjaan bagi pekerja yang diberhentikan."

Bagi membantu syarikat mengekalkan pekerja tempatan, pemerintah telah melancarkan Skim Bantuan Pekerjaan (JSS) yang memberi sokongan gaji sehingga Mac tahun depan. Lebih \$16 bilion telah diedarkan kepada syarikat yang memberi manfaat kepada dua juta pekerja setempat di lebih 150,000 firma.

Sebanyak \$1 bilion juga diperuntukkan di bawah Insentif Pertumbuhan Pekerjaan (JGI) bernilai \$1 bilion untuk menyokong perniagaan mengagihkan warga setempat.

Walau dengan bantuan itu, terdapat juga majikan yang terpaksa memberhentikan pekerja untuk bertahan. Dalam keadaan itu, MOM akan mengambil langkah aktif bagi memastikan pekerja terjejas mendapat pekerjaan alternatif dengan pantas, kata Cik Teo dalam posnya di Facebook semalam.

Sektor pelancongan berupaya tawar peluang pekerjaan dengan cepat
- Muka 4

"Prospek pekerjaan bagi pekerja yang diberhentikan dapat bertahan di sebalik pencarian pekerjaan berlaku dalam keadaan pasaran buruh yang lemah dan semasa tempoh pemutus rantaian jangkitan apabila banyak kegiatan terganggu. Kami akan terus memantau hasil pengambilan pekerjaan bagi pekerja yang diberhentikan."

- Cik Josephine Teo, Menteri Tenaga Manusia.



Sumbangan ahli fisioterapi kongsi kepakaran diiktiraf

SHAHIDA SARHID
sshahida@sph.com.sg

APABILA Cik Suhana Salim mula berjinak-jinak dalam bidang fisioterapi, tidak ramai teman seangkatan yang cenderung dalam bidang itu.

Malah beliau sendiri mengetahui tentang kerjaya itu secara tidak sengaja ketika menemani seorang teman yang mengalami kecederaan dan memerlukan bantuan ahli fisioterapi untuk kembali pulih.

Dari situ, berputiklah minat dalam bidang ini sehingga beliau dilamar menjadi pendidik bagi lulusan baru dari institut pengajian tinggi untuk memahami lebih lanjut tentang fisioterapi ini.

Baru-baru ini, Cik Suhana, 49 tahun, merupakan antara 253 pendidik jagaan kesihatan yang telah diiktiraf Kumpulan Jagaan Kesihatan Nasional (NHG) semasa majlis anugerah Hari Guru yang diadakan secara dalam talian.

Ia bertujuan meraikan sumbangan golongan profesional jagaan kesihatan daripada perubahan, kejururawatan, kesihatan bersekutu dan farmasi dalam memupuk dan mem-

bimbing pelajar dan kakitangan lebih muda.

Cik Suhana, ibu lima anak dan mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang fisioterapi, menerima Anugerah Pemimpin Pendidikan NHG.

Anugerah itu bertujuan mengiktiraf kakitangan NHG yang telah menunjukkan kecermerlangan dalam kepimpinan strategi dan pendidikan merentasi berbilang disiplin jagaan kesihatan.

Cik Suhana, yang kini seorang Ali Fisioterapi Utama di Hospital Tan Tock Seng (TTSH), menerajui bersama pembangunan program Bantuan Terapi Dipertingkat rentas institusi antara TTSH dengan Hospital Ren Ci yang melatih penolong terapi untuk menyokong pakar terapi melalui usaha mendekati pesakit dan penjaga mereka dengan lebih berkesan.

Cik Suhana juga bekerjasama rapat dengan Institut Teknologi Singapura (SIT) untuk melaksanakan pendidikan amalan perubahan dan penilaian bagi program fisioterapi untuk mahasiswa.

"Peranan saya sebagai pendidik adalah menjadi jambatan untuk menggabungkan

"Peranan saya sebagai pendidik adalah menjadi jambatan untuk menggabungkan teori yang telah dipelajari pelajar semasa di sekolah dan mengaitkannya dengan pengalaman perubahan yang terdapat di sini."

- Cik Suhana Salim.



teori yang telah dipelajari pelajar semasa di sekolah dan mengaitkannya dengan pengalaman perubahan yang terdapat di sini," kongsi Cik Suhana.

Terharu dengan anugerah yang diterima, beliau berkata keupayanya adalah apabila melihat anak didiknya dapat berdirinya melaksanakan tugas.

"Saya berasa gembira apabila melihat pelajar dapat berdirinya melaksanakan tugas tanpa perlu diselia.

"Melihat bagaimana mere-

ka telah berkembang dan maju ke hadapan dalam bidang ini, merupakan satu keupayaan dan pencapaian terbesar bagi saya," katanya lagi.

Sebanyak 11 kategori telah disampaikan termasuk Anugerah Pujian Khas yang mengiktiraf fakulti dan pendidik NHG yang berusaha melebihi tugas mereka untuk mengajar dan menyokong pelajar dan rakan setugas semasa krisis Covid-19.

NHG mempunyai sekitar 3,597 pendidik jagaan kesihatan khas merentasi pelbagai disiplin.



TUNJUK AJAR: Cik Suhana Salim (kanan) berkongsi ilmu dengan pelajar tahun keempat Institut Teknologi Singapura (SIT) Encik Ivan Tan Yong Tsu dan Cik Tan Yan Ni, di klinik Fisioterapi di Hospital Tan Tock Seng. - Foto BH oleh LIM YAOHUI